

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 05 TAHUN 2018**

**Tarikh** : **31 Mei 2018 (Khamis)**

**Masa** : **10.00 pagi hingga 12.00 tengahari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh Bulanan MPSJ Bil.05/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara berikut:

- i. Gagasan Malaysia baharu, MPSJ harus merasai sesuatu disamping mengambil peluang untuk memperbetulkan kelemahan atau kesilapan. Semoga ianya dapat ditambahbaik serta diperbaiki segala kelemahan yang melibatkan pentadbiran serta perkhidmatan kepada masyarakat.

- ii. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi yang paling dekat dengan rakyat dan dalam era Malaysia baharu ini, Majlis harus melihat serta menyemak semula perkara-perkara yang telah dilaksanakan bagi memastikan ianya benar-benar menepati fungsi dan objektif MPSJ sebagai PBT terunggul di Malaysia.
- iii. Dalam merealisasikan Visi dan Misi organisasi, kita seringkali terlupa dan leka dalam melaksanakan tugas dan rutin harian. Kita selalu menganggap ianya sebagai perkara-perkara yang biasa. Walau bagaimanapun, kita sering terlupa di dalam perkara yang biasa itu terdapat perkara yang perlu diperbetulkan. Membetulkan perkara yang biasa dan membiasakan perkara yang betul harus menjadi amalan seharian.
- iv. MPSJ telah didatangi oleh Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 30 Mei 2018. Pengauditan ini adalah penting untuk menjadi kayu pengukur terhadap pencapaian MPSJ. Setiap PBT mengharapkan untuk mencapai taraf 5 bintang dan MPSJ telah berjaya mencapai tahap 5 bintang serta pernah menjadi PBT nombor 1 di Malaysia. Sehubungan dengan itu, Majlis perlu sentiasa membuat penambahbaikan dalam memastikan mutu penyampaian perkhidmatan sentiasa meningkatkan serta relevan pada kaca mata masyarakat.
- v. Selari dengan hasrat MPSJ untuk menjadi sebuah Bandaraya, MPSJ perlu berusaha lebih keras untuk membuat penambahbaikan di dalam sistem penyampaian perkhidmatan. MPSJ haruslah menjadi PBT yang terunggul serta boleh dicontohi dalam menjadi *trend setter* kepada PBT yang lain. Oleh yang demikian, MPSJ perlu berazam dan beriltizam untuk meningkatkan kualiti mutu penyampaian perkhidmatan ke arah sebuah Bandaraya sebagaimana yang diidamkan oleh semua pihak.

- vi. MPSJ telah melaksanakan program-program seperti berikut :
- Konvensyen Generasi Bestari (Smart Gen) – Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya pada 10 – 12 April 2018 (Selasa - Khamis).
  - Lab Bandar Hijau Mesra Wanita pada 15 Mei 2018 (Selasa).
  - Majlis Pelancaran Bazar Ramadan Mampan MPSJ Bagi Tahun 2018 pada 21 Mei 2018 (Isnin).
  - Kunjungan Panel Penilai Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2018 pada 30 Mei 2018 (Rabu).
- vii. Puan Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen Ahli-Ahli Majlis yang turut sama menjayakan program yang dianjurkan oleh MPSJ. Video rentetan sepanjang program dipaparkan juga telah ditayangkan.
- viii. Majlis akan melaksanakan beberapa program seperti berikut :

- **Majlis Iftar Bersama Warga Kerja MPSJ 2018**

**Tarikh : 8 Jun 2018 (Jumaat)**

**Lokasi : Laman Kenanga, MPSJ**

Program ini diadakan adalah untuk menyampaikan sumbangan kepada warga kerja MPSJ yang

berpendapatan RM2,500.00 ke bawah seisi keluarga, iaitu seramai 264 orang.

▪ **Majlis Berbuka Puasa (Ihya Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama-Sama Rakyat Di Daerah Petaling Tahun 2018**

**Tarikh : 5 Jun 2018 (Selasa) bersamaan 20 Ramadhan 1439H**

**Lokasi : Masjid Al-Quddus, Tmn. Pinggiran Putra, Seri Kembangan**

- ix. Perkhidmatan kutipan sampah pukal sempena Hari Raya Aidilfitri 2018. Kutipan sampah pukal musim perayaan akan **bermula pada 1 Jun hingga 14 Jun 2018** untuk kawasan **perumahan teres** (tertakluk kepada permohonan). Kutipan akan dilakukan mengikut jadual kutipan sampah domestik. Bagi **perumahan bertingkat**, jadual kutipan ialah pada **9 dan 10 Jun 2018 sahaja** (tertakluk kepada permohonan). Permohonan kutipan sampah pukal, boleh hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPSJ di talian 03-80267433 / 7431 / 7430 / 3182.

Puan Yang Dipertua mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang hadir. Semoga amalan kita sepanjang bulan Ramadan diterima dan diberi rahmat serta sebaik-baik ganjaran.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH BULANAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2018**

Minit Mesyuarat Penuh Bulanan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 25 April 2018 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 9/2018 bertarikh 3 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan berikut:

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.5 m/s 8	Encik Chang Kim Loong	Mayland Valiant Sdn. Bhd. (MPSJ.260/26/626)	Beliau memohon pindaan dibuat terhadap perkara berikut : i) Perkara i(a) perkataan Plaintiff dipinda kepada si perayu / responden. ii) Perkara i(c) perkataan <i>Acting Senior Counsel</i> dipinda kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><i>Lead Counsel.</i></p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Urusetia Mesyuarat OSC membuat pindaan terhadap minit tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 10/2018 bertarikh 17 Mei 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 (d) m/s 4	Encik Chang Kim Loong	Sime Darby property (Subang) Sdn. Bhd. (324671-W) (MPSJ.JPB. BP1.600-1/1/27)	Beliau memakumkan, mesyuarat telah meluluskan pembinaan pangsapuri komersial di atas Lot 61714 seluas 1.66 ekar. Tetapi merujuk kepada perkara (d), cadangan lokasi kemudahan awam hendaklah dicadangkan di lot 61715 (sekolah

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>rendah, rumah ibadat selain Islam) bagi unit-unit kediaman yang belum dibangunkan oleh pihak pemaju (PT 26, Lot 61715, Lot 61714 dan SJCC). Beliau memohon penjelasan kenapa lot yang kecil perlu membina kemudahan tersebut.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan kemungkinan minit mesyuarat tersebut tidak menyatakan dengan penuh dan lengkap terhadap keputusan mesyuarat bagi cadangan pembangunan tersebut sehingga menimbulkan kekeliruan. Beliau menyatakan bahawa cadangan pembangunan pangsapuri komersial ini adalah diatas 1 lot yang kecil iaitu kurang dari 2 ekar. Sime Darby mempunyai banyak lagi lot</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>dikawasan tersebut dan kesemuanya ditandakan sebagai komersial tetapi apabila cadangan pemajuan dikemukakan, kebanyakannya berminat untuk mendirikan kediaman. Oleh itu, Majlis merasakan terdapat implikasi tentang keperluan kemudahan awam bagi keseluruhan tanah tersebut.</p> <p>Oleh yang demikian, keputusan Majlis yang pertama adalah supaya pemaju mengambil kira kesemua tanah yang kosong apabila dibangunkan, sekiranya pembangunan adalah berkonsepkan kediaman tetap pemaju perlu mengambil kira implikasi keperluan kemudahan awam tersebut.</p> <p>Jadi Majlis telah meminta Perancang pihak pemaju untuk</p>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menyatakan perkara tersebut beserta dengan konsep pelan bagi tanah-tanah yang belum dibangunkan lagi. Keputusan tersebut menyebabkan datangnya keperluan kemudahan awam seperti sekolah rendah, tadika, surau dan sebagainya. Perkara ini mengikut anggaran penduduk yang dijangkakan dijana daripada pemajuan di atas tanah-tanah kosong tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
3.	Para 4.7 M/s 25		Permohonan Kebenaran Merancang (MPSJ.JPB. BP9.600-1/1/8)	<p>Beliau memohon supaya diperbetulkan ejaan bagi perkara berikut :</p> <p>i) Putra Heighst dipinda kepada Putra Height.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Urusetia Mesyuarat OSC membuat pindaan terhadap minit</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				tersebut.  <b>Tindakan : Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC</b>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 05/2018 bertarikh 15 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 05/2018 bertarikh 18 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 05/2018 bertarikh 21 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 05/2018 bertarikh 22 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	-	-	Puan Yang Dipertua mengesyorkan supaya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>nama mesyuarat jawatankuasa diubah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan. Cadangan ini disebabkan oleh tujuan utama penubuhan PBT adalah lebih kepada kawalan kesihatan. Mesyuarat ini juga perlu membentangkan laporan-laporan berkaitan kesihatan.</p> <p><b>Keputusan :</b></p> <p>Ahli Mesyuarat bersetuju dengan syor tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan / Jabatan Kesihatan</b></p>
2	Para 10.2 M/s 9	Encik Yap Kok Weng	Kajian cadangan membenarkan aktiviti karaoke di bangunan komersial.	Beliau memohon agar dipinda minit kerana perkara tersebut dicadangkan oleh Encik Chong Hoon Ming dan bukannya daripada cadangan beliau.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Urusetia Mesyuarat membuat pindaan terhadap minit tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan</b></p>
3	Para 11 m/s 50	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	Hal-hal Lain – Kebersihan Premis Makanan	Beliau meminta agar dibentangkan timeline yang dilaksanakan serta pelaksanaan penguatkuasaan terutamanya terhadap kebersihan restoren, tandas dan pekerja asing yang bekerja di restoren.
2.		Encik Wan Hock Leong		<p>Beliau berpandangan MPSJ melaksanakan tindakan yang berterusan agar tiada insiden kebersihan restoren yang diviralkan. MPSJ perlu bertindak mencegah sebelum perkara yang tidak sepatutnya dihebahkan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>memaklumkan tindakan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan premis makanan mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, MPSJ mempunyai kekangan dari segi keupayaan kakitangan untuk membuat pemeriksaan dan penggredan kesemua premis makanan yang ada di seluruh kawasan pentadbiran MPSJ. Oleh itu, MPSJ telah menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah supaya format pemeriksaan yang digunakan adalah sama agar premis yang telah diperiksa oleh mereka tidak perlu dibuat pemeriksaan oleh pihak MPSJ. Perkara ini dilaksanakan supaya pemeriksaan menyeluruh dapat dibuat ke atas kesemua premis</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>makanan. Puan Yang Dipertua meminta Jabatan Kesihatan menyediakan laporan berkaitan penggredan restoren yang telah dilaksanakan serta membentangkan perancangan berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan premis makanan. Pelaporan perlu dibentangkan dalam mesyuarat setiap bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b></p>

### 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 05/2018 bertarikh 23 Mei 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Taklimat kajian Trafik Dan Cadangan Jenis Rekabentuk Alternatif Penyelesaian Terhadap	Beliau memohon agar pindaan dibuat terhadap perkara berikut : i) Perkataan Marimoland dipinda kepada Mari Mo

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Kesesakan Laluan Bagi Kawasan Bukit Tandang, Puchong Jaya, Selangor	Land  <b>Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Infrastruktur</b>
2.	Para 7.3.1 & m/s 11	Yap Kok Weng	Penyelesaian isu banjir	<p>Beliau memohon agar dibuat pembentangan dalam mesyuarat berkaitan penelitian serta kaedah-kaedah bagi mengelakkan masalah banjir kilat di IOI Mall Puchong dan Setiawalk Puchong.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang untuk dibincangkan. Tindakan segera akan dilaksanakan sementara menunggu projek jangka panjang.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>
		Wan Hock Leong		Beliau memaklumkan zon 2 (Taman Sunway Utama) telah 2 kali mengalami masalah banjir kilat dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tempoh masa yang terdekat. Beliau memohon agar tindakan segera diambil supaya masalah ini tidak berulang lagi.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua mengarahkan Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera bagi menangani isu tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

## 6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

### 6.1 CADANGAN MENGATASI KESESAKAN LALULINTAS DI PERSIARAN KEWAJIPAN DAN PERSIMPANGANNYA DENGAN LEBUHRAYA SHAH ALAM, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

- *Cadangan Tarikh Perlaksanaan*

-----

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Ir Rosli bin Mohamad Yunus, Pengarah Kejuruteraan. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan cadangan kertas mesyuarat tersebut iaitu :

- i) Pelaksanaan hebahan melalui media cetak dan elektronik dan lain-lain bermula 1 Jun 2018.



- ii) Pemasangan papan tanda makluman dan papan tanda trafik pada 1 Jun 2018.
- iii) Pelaksanaan cadangan pengurusan lalulintas adalah pada 9 Jun 2018 (Sabtu jam 12.00 tengah malam).
- iv) Tempoh percubaan pelaksanaan adalah selama 2 bulan.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

## **6.2 NOTIS USUL – MENAIKTARAF STATUS MPSJ DARIPADA PERBANDARAN KEPADA STATUS BANDARAYA**

-----

Kertas usul menaiktaraf status MPSJ daripada Perbandaran kepada status Bandaraya telah dibentangkan oleh Encik Chang Kim Loong. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju sebulat suara** menerima usul tersebut. Mesyuarat khas bagi membincangkan pelaksanaan dan penyediaan dokumentasi akan dilaksanakan bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan.

**Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Jun 2018** akan diadakan pada **27 Jun 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 31 Mei 2018

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                                 | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha  |
| 3.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami.   | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "           |
| 5.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 6.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 7.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "           |
| 8.  | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.  | - | "           |
| 9.  | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 10. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 11. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 12. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli   | - | "           |
| 13. | Puan Kavitha a/p Chandragesen   | - | "           |
| 14. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.   | - | "           |
| 15. | Puan Wong Siew Ki   | - | "           |
| 16. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo   | - | "           |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                       |   |             |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong                 | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Edwin Lim Hock Lee              | - | "           |
| 3. | Encik Tai Cheng Heng                  | - | "           |
| 4. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh    | - | "           |
| 5. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | "           |
| 6. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu       | - | "           |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan

8. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
14. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
15. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
18. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
19. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
20. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti

21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
23. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
24. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
26. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
27. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
28. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Cik Helda Syima binti Abu talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik)
30. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
31. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Mohd Kamil bin Basir

Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

34. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Puan Salwa binti Ab. Rahman  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
38. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
39. Muhammad Iskandar Z bin Azmi  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
40. Cik Nadia bin Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Landskap
41. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
42. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
43. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
44. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
45. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
46. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh

Penolong Pengarah, Jabatan COB

47. Encik Emyohimy Rizal bin Nasaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan COB

**URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan